




PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16/2/2012



DR MAHATHIR melayan pelajar Universiti Perdana menandatangani buku tulisannya yang bertajuk 'A Doctor In The House' selepas menyampaikan ucapan di universiti itu, semalam.

Peguam usah dorong pesakit saman

SERDANG: Peguam di negara ini disaran tidak mendorong pesakit menyaman doktor atau hospital berkaitan isu perubatan, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Canselor Universiti Perdana berkata, ia boleh menyebabkan kos perubatan meningkat berikutan doktor dan hospital terpaksa mengambil kira kemungkinan disaman pesakit.

"Saya melihat tindakan mahkamah ke atas doktor dan hospital banyak berlaku

di negara lain sehingga menyebabkan doktor berasa takut, seterusnya mengenakan caj sangat tinggi.

"Ini secara tidak langsung membebankan golongan miskin yang tidak mampu menampung kos perubatan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di Universiti Perdana, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, negara masih memerlukan lebih ramai pakar termasuk bidang perubatan bagi memenuhi permintaan menca-

pai perkhidmatan bertaraf dunia.

Diminta mengulas pengangguran jururawat yang dilihat semakin kritikal, Dr Mahathir berkata, ia tidak sepatutnya timbul kerana mereka boleh bekerja di bidang lain dengan ilmu dipelajari.

"Saya difahamkan ramai jururawat Malaysia bekerja di luar negara dan mereka diberi gaji setaraf jururawat negara lain. Itu menunjukkan mereka diiktiraf," katanya.